

# OKU terima ruang niaga percuma

S-4 11/3/09 M/S 11

YUSMAWATI MHD YUSOF

**BANDAR TUN RAZAK** – Usaha murni Bazar Larut Malam KL Downtown yang menyediakan ruangan urutan kaki kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) bakal dijejaki Bazar Larut Malam yang ada di sekitar Kuala Lumpur.

Ketua Pengarah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Datuk Salleh Yusof berkata, usaha murni berkenaan dapat membantu golongan OKU untuk meningkatkan pendapatan mereka.

“Usaha ini amat baik kerana memberikan peluang kepada golongan OKU untuk memberikan khidmat urutan kaki kepada pengunjung di bazar ini di mana sambil membeli belah mereka boleh mendapatkan rawatan.

“Ruangan niaga untuk 30 OKU ini adalah satu permulaan yang dilakukan Bazar Larut Malam KL

Downtown dan ia akan ditempatkan di bazar larut malam yang ada di sekitar Kuala Lumpur antaranya Bazar Larut Malam Uptown Setapak,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Fiesta Larut Malam @ KL Downtown dan Pelancaran Ruangannya OKU di sini.

Hadir sama, Yang Dipertua Persatuan Pengasih Malaysia, Yunus Pati, Ketua Pegawai Eksekutif Bazar Larut Malam KL Downtown, Mohd Rustam Roshandin dan Ketua Pemuda UMNO Bahagian Bandar Tun Razak, Rizalman Datuk Mokhtar.

Menurut Salleh, pihaknya akan menambah ruangan berkenaan dan bilangan bazar larut malam juga akan ditambah di sekitar Kuala Lumpur.

Salleh berkata, kewujudan bazar berkenaan dapat

memberi peluang kepada masyarakat khususnya bekas penagih dan ibu tunggal untuk meningkatkan pendapatan mereka.

“Bilangannya akan ditambah namun buat masa ini hanya bazar ini dan di Setapak yang boleh dikatakan berjaya, namun persepsi sesetengah masyarakat bahawa bazar seperti ini mengundang gejala sosial adalah tidak benar.

“Ia sama seperti pasar malam yang lain, cuma ia beroperasi dari jam 10 malam hingga jam 3 pagi, tidak timbul mengenai isu gejala sosial kerana pengunjung yang datang ke sini untuk membeli belah,” katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Bazar Larut Malam KL Downtown, Mohd Rustam Roshandin berkata, ruangan urutan kaki berkenaan disediakan untuk OKU secara percuma.

Menurutnya, usaha berkenaan adalah salah satu tanggungjawab sosial pihaknya kepada golongan OKU bagi membantu mereka meningkatkan pendapatan.

“Kita menyediakan ruangan ini secara percuma kepada OKU dalam memberikan khidmat urutan kaki kepada pengunjung di sini, selain itu kita juga memberikan peluang kepada bekas penagih untuk menjalankan perniagaan tanpa perlu membayar sewa tapak.

“Bagi golongan ibu tunggal pula kami menyediakan diskaun istimewa untuk mereka, kini terdapat 396 gerai di bazar ini dan jumlah pengunjung yang datang hampir mencecah 6,000 orang sehari,” katanya.

Pada majlis yang sama, Bazar Larut Malam KL Downtown turut menganjurkan Fiesta Larut Malam @ KL Downtown bertujuan untuk mempromosikan fesyen pakaian yang ditawarkan



● Salleh (dua dari kiri) merasmikan Ruangannya OKU di Bazar Larut Malam KL Downtown.

peniaga tempatan.

Rustam berkata, pengajuran fiesta berkenaan juga diadakan untuk memberikan pendedahan dan maklumat kepada pengunjung yang hadir mengenai kepelbagaian barangan yang terdapat di bazar berkenaan.

“Selain daripada mempromosikan pakaian yang ditawarkan peniaga di sini, fiesta ini juga dilihat mampu menjadi platform untuk memberikan maklumat ke-

pada pengunjung mengenai pelbagai pakaian dan barangan yang ditawarkan.

“Kita juga mahu pengunjung tahu bahawa harga barangan yang ditawarkan di sini amat berpatutan dan mampu dimiliki tanpa perlu mengeluarkan belanja yang banyak,” katanya.

Majlis berkenaan turut dimeriahkan dengan penampilan istimewa beberapa artis tanah air antaranya, Siti Fazurina, Enot, dan Kamal Adli.